

066-Persepsi Pemimpin Terhadap Punca Penghinaan Agama Islam di Media Sosial dan Langkah Pencegahannya

**Roslizawati Mohd Ramly
Marina Munira Abd Mutalib,
Mohd Rosmizi Abd Rahman
Nurhafizah Mohd Shukor
Eizan Azira Mat Sharif
Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Mohd Razali
Muhamad Zaki Mustafa**

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia

E-mel: roslizawati@usim.edu.my)

ABSTRAK

Isu penghinaan terhadap Agama Islam di media sosial merupakan isu yang masih tidak menemui jalan penyelesaian yang tuntas sehingga ke hari ini. Penghinaan yang paling kerap dilakukan adalah menghina Rasul umat Islam iaitu Nabi Muhammad SAW. Rentetan daripada itu, menyebabkan segelintir umat Islam mengambil tindakan menyerang individu yang bukan sahaja menghina agama Islam malahan membuat provokasi kepada umat Islam. Isu ini mendapat perhatian yang serius daripada pihak pemimpin kerana boleh menjejaskan kestabilan dan keharmonian negara. Justeru, kertas kerja ini bertujuan untuk meneliti isu ini berdasarkan persepsi pemimpin di Malaysia. Bagi tujuan tersebut kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif berdasarkan analisis kandungan. Data-data dikumpul melalui analisis dokumen daripada laporan-laporan akhbar di Malaysia. Enam akhbar atas talian berbahasa Melayu telah dipilih sebagai sampel dalam kajian ini iaitu Berita Harian, Utusan Malaysia, Harian Metro, Mstar, AstroAwani dan Sinar Harian. Data-data diambil daripada laman web rasmi akhbar-akhbar tersebut. Analisis dilakukan dengan memfokuskan kepada dua aspek iaitu punca-punca berlaku penghinaan, dan kaedah membanteras isu ini. Hasil kajian mendapati bahawa punca berlaku penghinaan agama dikaitkan dengan Gerakan yang mendokong fahaman Liberalisme, Pluralisme, ketagihan dadah, gangguan mental, kejahilan, dan ekstremisme. Justeru kaedah yang disarankan untuk mencegah penghinaan agama perlu melalui pendidikan dan penguatkuasaan undang-undang.

Kat Kunci : Persepsi Pemimpin, Punca, Langkah Pencegahan, Penghinaan Agama Islam, Media Sosial

PENDAHULUAN

Di Malaysia, isu penghinaan agama Islam adalah merupakan isu sensitif dan boleh menjejaskan perpaduan nasional. Hal ini kerana, Islam merupakan satu-satunya agama yang diiktiraf



sebagai agama Persekutuan dan dianuti oleh lebih daripada separuh populasi penduduk di negara ini. Justeru, perbuatan mencemarkan kesucian dan memperlekehkan agama Islam dengan menghina Rasuhnya boleh menimbulkan kemarahan dan protes daripada majoriti penduduk Islam di Malaysia. Ini terbukti berdasarkan beberapa laporan media berkaitan serangan yang dilakukan terhadap individu yang menghina agama Islam. Sebagai contohnya, pada bulan Februari 2020 Berita Harian melaporkan seorang lelaki telah dipukul kerana membuat siaran langsung memijak al-Quran di aplikasi sosial media facebook (<https://www.bharian.com.my>). Manakala akhbar Utusan melaporkan pada 17 Julai 2022, individu yang mencerca Nabi Muhammad, Allah dan memprovokasi bangsa Melayu menerusi video yang dimuat naik ke dalam aplikasi YouTube juga telah diserang oleh orang awam (<https://www.utusan.com.my>). Terdahulu daripada itu, terdapat beberapa video yang dimuat naik menunjukkan serangan orang awam terhadap terhadap individu yang didakwa telah mencerca agama Islam (<https://www.mynewshub.tv/2017/06/video-dibelasah-sampai-bogel-kerana-hina-islam/>) dan menghina nama Tuhan orang Islam (<https://www.youtube.com/watch?v=VFGWvwU6DxY>).

Jelasnya, isu agama merupakan satu isu yang boleh menjejaskan perpaduan dan keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia. Namun begitu, kajian terdahulu mendapati bahawa isu penghinaan agama Islam tidak mudah untuk ditangani melalui peruntukan undang-undang sedia ada semata-mata. Hal ini kerana, tiada peruntukan yang jelas dan tegas berkaitan kesalahan menghina agama Islam dalam undang-undang sivil. Manakala undang-undang syariah pula mempunyai kelemahan dari aspek pendakwaan dan pensabitan kes kerana skop kesalahan menghina agama bersifat umum dan kabur (Mohamad Azri & Mohd Al Adib, 2017). Tambahan pula, di Malaysia undang-undang Syariah hanya terpakai kepada masyarakat Islam sahaja.

Justeru itu, demi menjaga sensitiviti ini dan dalam usaha untuk memupuk keharmonian dalam kalangan warga Malaysia, kesemua pihak yang bertanggungjawab terutamanya pemimpin perlu memainkan peranan yang lebih proaktif dan tegas dalam mencegah daripada berlakunya isu-isu seumpama ini. Kegagalan pemimpin untuk menangani isu ini dengan sebaiknya boleh menjejaskan kredibiliti dan intergriti mereka dalam pandangan masyarakat awam khususnya penganut agama Islam. Justeru, adalah penting untuk mengenal pasti pandangan para pemimpin berhubung punca dan langkah yang mereka sarankan atau telah diambil untuk mencegah isu penghinaan agama di media sosial. Kajian berkait langkah pencegahan adalah amat penting kerana tidak banyak kajian yang memfokuskan kepada aspek ini.

DEFINISI KONSEP

Penghinaan Agama Islam

Merujuk kepada Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, kata “ penghinaan” adalah merupakan kata terbitan “hina” yang merujuk kepada perbuatan atau hal menghina (<http://prpm.dbp.gov.my/>). Manakala perkataan hina bersinonim dengan perkataan keji,



tercemar, tercela, kotor dan buruk (<http://prpm.dbp.gov.my/>). Oleh itu, istilah penghinaan agama dapat diertikan sebagai perbuatan, perlakuan, ungkapan, gambaran yang dibuat untuk mengeji, mencela, mencemarkan dan memburukkan sesebuah agama.

Manakala dalam Bahasa Arab istilah penghinaan agama adalah *al-istihzā' bi al-dīn* yang merujuk kepada perbuatan mengejek dan mencemuh agama. Menurut Ibn Manzūr lafaz *istihzā'* (kata asal *huzū'*) bermaksud *sukhriyyah* iaitu ejekan atau cemuhan (Mohamad Azri & Mohd Al Adib, 2017). Dalam Al-Quran dapat ditemui penggunaan perkataan *istihzā'* dan *sukhriyyah* untuk menjelaskan peristiwa penghinaan yang dilakukan oleh umat terdahulu kepada para Rasul. Firman Allah SWT surah al An'am 6: ayat 10; maksudnya:

وَلَقَدْ اسْتَهْزَأَ بِرُسُلٍ مِّن قَبْلِكَ فَحَاقَ بِالَّذِينَ سَخِرُوا مِنْهُمْ مَا كَانُوا بِهِ يَسْتَهْزِءُونَ

“Dan demi sesungguhnya! Telah diperolok-olokkan beberapa orang rasul sebelum mu, lalu orang-orang yang mengejekek di antara mereka ditimpakan (balasan azab) bagi apa yang mereka telah perolok-olokkan itu.”

Dari sudut definisi perundangan sivil, seperti mana yang dijelaskan tiada peruntukan yang jelas mengenai kesalahan menghina agama Islam. Oleh itu, definisi penghinaan agama Islam tidak dapat ditemui dalam Perlembagaan Persekutuan. Namun begitu, jika dirujuk kepada undang-undang Syariah di Malaysia, terdapat enakmen khusus yang menjelaskan maksud kesalahan menghina agama Islam. Menurut Mohamad Azri & Mohd Al Adib (2017) peruntukan undang-undang tersebut adalah selari dengan maksud perbuatan menghina agama Islam seperti yang dinyatakan dalam Al-Quran dan Hadis.

Kesalahan menghina agama Islam dalam enakmen jenayah Syariah secara umumnya dihuraikan dan diperincikan seperti berikut:

- a) Menghina atau menyebabkan Islam dipandang hina sama ada secara lisan, tulisan, gambar, lukisan, perkataan yang dapat didengar dan dibaca, isyarat dan perbuatan atau menghina dengan cara apa jua pun.
- b) Mempersenda, mempermain, mengajuk-ajuk, mengolok-olok, mencemuh dan merendah-rendahkan amalan, upacara dan istiadat berkaitan Islam, undang-undang berkaitan Islam yang sedang dikuatkuasakan, mazhab yang sah dan muktabar, fatwa dan para pegawai agama, guru agama dan imam yang dilantik.
- c) Menghina, meniru, mempersenda, mencerca, mengajuk-ajuk, mengejek-ejek dan mengolok-olokkan al-Quran dan Hadis serta ayat-ayat berkaitan dengan agama samada melalui kata-kata, perkataan, lisan dan perbuatan atau dengan cara apa jua pun.
- d) Memusnahkan, merosakkan, mencemarkan, membinasakan, meroboh, mengubah, memindahkan surau dan masjid serta apa jua kemudahan yang terdapat padanya dengan tujuan untuk menghina, merendah, mempersenda, mencela dan mengeji agama Islam atau dengan niat atau tujuan apa sekalipun.
- e) Turut dianggap sebagai kesalahan menghina agama adalah dakwaan seseorang Muslim bahawa dia telah keluar dari Islam.



Media Sosial

Istilah media sosial secara umumnya digunakan sebagai satu platform untuk menyampaikan maklumat. Media sosial merujuk kepada perkhidmatan aplikasi ataupun mana-mana rangkaian internet yang digunakan sebagai platform untuk masyarakat awam berkomunikasi di alam maya. Antara aplikasi media sosial yang popular di Malaysia adalah Facebook, Instagram dan Twitter.

Berdasarkan kepada definisi di atas, oleh itu, istilah penghinaan agama Islam di media sosial dalam kertas kajian ini merujuk kepada perbuatan samada dalam bentuk lisan, tulisan, gambar, lukisan, perkataan yang dapat didengar dan dibaca, isyarat yang bertujuan merendahkan-rendahkan, memburukkan dan menjatuhkan martabat dan kemuliaan agama Islam melalui penghantaran apa sahaja bentuk mesej di laman sosial. Motif penghinaan agama adalah untuk menyakitkan hati orang lain dan membuat provokasi yang boleh menggugat ketenteraman awam.

Pemimpin

Istilah pemimpin diertikan sebagai orang yang memimpin (<https://prpm.dbp.gov.my>). Pemimpin dalam kertas kerja ini merujuk kepada pemimpin terdiri daripada pemimpin negara, ahli politik, badan penguatkuasa atau berkanun, dan juga pendakwah serta ahli akademik yang disegani. Kelompok pemimpin ini merupakan pemimpin beragama Islam yang telah memberikan respon dan pandangan mereka berkaitan punca penghinaan agama Islam di media sosial serta solusi bagi menangani isu tersebut.

SOROTAN KAJIAN LALU BERKAITAN PUNCA DAN SOLUSI MENANGANI PENGHINAAN AGAMA ISLAM DI MEDIA SOSIAL

Terdapat beberapa kajian lalu di Indonesia yang boleh dijadikan rujukan berkaitan sebab dan punca penghinaan agama di media sosial. Namun kebanyakan kajian tersebut tidak mengkhususkan kajian mereka terhadap punca-punca berlakunya penghinaan terhadap agama Islam. Sebaliknya kajian-kajian tersebut hanya mengkaji punca penghinaan terhadap agama di media sosial secara umum. Di antara punca utama yang didakwa telah menyebabkan berlakunya penghinaan agama di negara jiran tersebut adalah berkait rapat dengan sikap pemimpin. Zuliyus & Pitchan (2020) mendakwa bahawa ahli politik gemar memainkan isu agama demi kepentingan karier politik mereka, manakala pemimpin agama pula dilihat tidak berperanan dalam menangani penyelewengan agama dalam masyarakat sehingga timbul pelbagai kumpulan ajaran sesat yang berani mencerca agama lain. Zuliyus dan Pitchan (2020) juga turut mengaitkan isu penghinaan agama dengan kelemahan penguatkuasaan undang-undang serta aspek hukuman yang dilihat sebagai tidak setimpal.

Kemajuan teknologi komunikasi dan ideologi Liberalisme juga dilihat menjadi punca berlakunya isu penghinaan agama di Indonesia. Menurut Alfani & Saputra (2019), teknologi komunikasi semasa mendokong ideologi liberalisme yang mempromosikan hak kebebasan



individu termasuk hak kebebasan bersuara tanpa batasan. Natijahnya, berlaku kewenangan perbuatan mencerca dan menghina serta saling berbantah dalam kalangan warganet di negara itu. Jelasnya di negara Indonesia, punca berlakunya penghinaan terhadap mana-mana agama berkait rapat dengan isu kepimpinan samada pemimpin politik dan agama, kelemahan sistem undang-undang dan penularan ideologi Liberalisme.

Dalam konteks Malaysia, terdapat satu kajian yang ditulis oleh Muhammad Faisal Ashaari et al., (2014) berkaitan provokasi dan penghinaan secara melampau terhadap agama Islam di Facebook. Melalui kajian kes yang dilakukan, pengkaji telah mengenal pasti bahawa penghinaan terhadap agama Islam telah dilakukan oleh sekumpulan golongan murtad di Malaysia dan Singapura. Kelompok ini bukan sahaja membuat propaganda bahawa Islam menganjurkan keganasan, kezaliman dan penyebab kepada kemunduran, bahkan telah mencerca Allah SWT, Nabi Muhammad, al-Quran, Syariat Islam dan juga pemikiran Islam.

Muhamad Faisal Ashaari et al., (2015) turut mengaitkan motif politik dan kebencian sebagai faktor berlakunya penghinaan terhadap agama Islam oleh pengikut kumpulan Facebook Murtads in Malaysia and Singapore. Beliau berhujjah bahawa, kajian mereka mengenai Islam adalah berteraskan kepada sifat anti Islam yang dipengaruhi oleh semangat Perang Salib.

Dari segi solusi, Muhamad Faisal Ashaari et al., (2014) menyarankan supaya ianya ditangani melalui proses interaksi harian dan dialog. Sementara itu Azri & Mohd Al Adib (2017) menyarankan supaya peruntukan undang-undang Syariah sedia ada dinilai dan dibuat penambahbaikan. Walau bagaimanapun pendekatan dialog dilihat masih belum mampu untuk menangani isu ini dengan berkesan. Tambahan pula, berdasarkan kajian lalu isu ini berpunca daripada individu yang mempunyai kepentingan peribadi dan kebencian yang melampau terhadap Islam. Manakala, penting untuk difahami bahawa undang-undang Syariah dalam konteks Malaysia hanya terpakai kepada umat Islam sahaja dan bukan kepada semua. Jelasnya di sini, kajian mengal pasti punca berlakunya penghinaan agama Islam di media sosial dalam konteks Malaysia dan usaha menanganinya daripada perspektif pemimpin adalah sangat signifikan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif berdasarkan analisis kandungan. analisis kandungan ialah satu bentuk analisis terhadap dokumen media cetak dan media elektronik. Contoh media cetak adalah akhbar, majalah, jurnal, buku, kitab, laporan bertulis, minit mesyuarat dan sebagainya. Manakala media elektronik pula seperti filem, drama, rancangan radio, tv, cd dan papan iklan. Kaedah ini diaplikasikan bagi meneliti istilah, perkataan, konsep, tema, frasa atau ayat yang terhadap dalam media tersebut (Alan, 2011).

Dalam konteks kajian ini, analisis kandungan dilakukan terhadap media cetak iaitu akhbar. Manakala data-data dikumpul ini pula melalui analisis dokumen daripada laporan-laporan akhbar atas talian di Malaysia. Enam akhbar berbahasa Melayu telah dipilih sebagai sampel dalam kajian ini iaitu Berita Harian, Utusan Malaysia, Harian Metro, Mstar,



AstroAwani dan Sinar Harian. Data-data diambil daripada laman web rasmi akhbar-akhbar tersebut. Carian maklumat telah dilaksanakan melalui kata kunci utama iaitu “hina Islam” “media sosial” dan menggunakan keadah carian *Boolean*.

PERSEPSI PEMIMPIN MENGENAI PUNCA-PUNCA BERLAKUNYA PENGHINAAN TERHADAP AGAMA ISLAM DI MEDIA SOSIAL

Berdasarkan laporan akhbar di atas talian, kajian mendapati bahawa terdapat beberapa sebab berlakunya penghinaan agama Islam di media sosial menurut pandangan pemimpin di Malaysia seperti berikut.

Serangan Gerakan Liberalisme, Pluralisme dan Hak Asasi Manusia

Akhbar Mstar (25 Oktober 2014) melaporkan bahawa menurut Tokoh Maal Hijrah 1436H Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman Penasihat Perundangan Syariah, Jabatan Peguam Negara penghinaan agama Islam dilakukan oleh “kumpulan yang berselindung di sebalik gerakan liberalisme, pluralisme dan hak asasi manusia.” Beliau turut mengaitkan isu penghinaan agama dengan keruntuhan kesatuan umat Islam di Malaysia akibat kegagalan menangani isu perbezaan pendapat.

Pandangan Tan Sri Sheikh Ghazali ini turut diperakui oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom. Menurut laporan Berita Harian (9 Disember 2014) Datuk Jamil Khir menyatakan bahawa "Ini (penghinaan Islam) merupakan perkara hasil rentetan daripada pandangan yang melihat Islam ini secara liberal, pluralisme dan ajaran yang melihat agama itu hanyalah hak individu yang tidak ada kaitan dengan pihak lain."

Dalam nada yang sama pendakwah dan penceramah bebas Ustaz Ahmad Dusuki Abd Rani juga ketika diminta mengulas isu berkaitan penyebaran gambar anjing dipakaikan serban dan jubah yang disiarkan di media sosial, menegaskan bahawa perbuatan tersebut dilakukan oleh pendokong fahaman Liberal yang berniat untuk menghancurkan agama Islam. Dalam kenyataan akhbar Harian Metro (25 Oktober 2014) beliau menyatakan, “Saya melihat semua ini adalah serangan Islam liberal yang sedang merosakkan umat Islam di Malaysia. Serangan ini dilakukan secara berterusan dan kita tidak tahu apa lagi yang akan dilakukan mereka selepas ini.. “Liberalisme ini bukan kemodenan tetapi perancangan musuh untuk menghancurkan agama.”

Ketagihan Dadah dan Gangguan Mental

Sinar Harian (20 Julai 2022) melaporkan bahawa punca penghinaan agama berkait rapat dengan isu ketagihan dadah dan gangguan mental. Menurut Ketua Polis Terengganu, Datuk Rohaimi Md Isa, suspek yang ditahan mempunyai enam rekod lampau membabitkan kes dadah. Beliau menyatakan bahawa."Kami juga syak lelaki ini mengalami gangguan mental akibat ketagihan dadah... Semasa ditahan, ujian saringan urin mendapati dia positif dadah methamphetamine. " Akhbar Harian Metro (18 Julai 2022) turut melaporkan bahawa di



Kelantan Pemangku Ketua Polis Datuk Muhamad Zaki Harun, menyatakan bahawa suspek yang melakukan penghinaan terhadap agama Islam dan Nabi Muhammad juga didapati positif dadah methamphetamine.

Astro Awani (21 Julai 2022), melaporkan bahawa Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Senator Idris Ahmad juga turut berpandangan bahawa penghinaan agama samada kepada agama Islam atau agama lain dilakukan oleh individu yang mempunyai masalah mental. Beliau menyatakan: “punca individu terlibat menghina agama Islam adalah disebabkan oleh banyak faktor terutamanya masalah mental si pelaku.”

Akhbar Utusan (19 Julai 2022) juga melaporkan bahawa kerajaan Negeri Selangor menganggap kes-kes penghinaan terhadap agama Islam yang berlaku kemungkinan berpunca daripada perasaan kecewa dan putus asa oleh individu tertentu apabila berhadapan dengan masalah-masalah hidup. Menurut Exco Agama Islam, Pengguna dan Industri Halal, Mohd. Zawawi Ahmad Mughni berkata, “situasi tersebut menyebabkan mereka berasa tidak ditolong oleh Allah SWT pada saat mereka memerlukan.”

Ekstrem dan Jahil

Akhbar Harian Metro (19 Jun 2022) melaporkan bahawa menurut Ketua Unit Hadis di Institut Kajian Hadis & Akidah (Inhad), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) Dr Mohd Khafidz Soroni bahawa “perbuatan menghina ini hanya dilakukan oleh orang yang sudah tiada modal dan muflis hujah. Lalu, hanya untuk memuaskannya nafsunya dia memaksa diri melakukan tindakan yang melampaui batas tanpa memikirkan akibatnya. Kita percaya setiap agama tidak mengajar penganutnya bertindak melampaui batas dan biadab terhadap penganut agama lain. Sebaliknya, diri penganut agama itu sendiri yang bersikap ekstrem dan melampaui batas.”

Manakala Pensyarah di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Dr. Mohd. Shahid Mohd. Noh memberikan pandangan beliau dalam akhbar Utusan (3 Ogos 2022) berkait isu penghinaan terhadap Rasulullah, Menurut beliau isu ini berlaku kerana kejahilan umat Islam sendiri. Beliau meyatakan : Kegagalan umat Islam mengenal keperibadian Nabi Muhammad SAW adalah faktor yang membuatkan mereka tidak menghargai dan memberikan penghormatan selayaknya kepada nabi akhir zaman ini

LANGKAH PENCEGAHAN PENGHINAAN TERHADAP AGAMA ISLAM

Di antara langkah pencegahan yang disarankan oleh para pemimpin adalah:

Memberi Pendidikan Mengenai Islam Kepada Islam dan Bukan Islam

Astro Awani (21 Julai 2022) melaporkan bahawa Datuk Senator Idris Ahmad Idris menyatakan bahawa antara usaha membuat penyelesaian jangka panjang tentang isu itu adalah melalui pendidikan seperti usaha dakwah, turun ke lapangan, menganjurkan majlis kefahaman



agama Islam kepada orang awam. "

Usaha memberikan pendidikan dan menjernihkan kefahaman mengenai Islam juga dilihat sebagai satu pendekatan yang ampuh dalam membanteras isu penghinaan agama. Exco Agama Islam, Pengguna dan Industri Halal, Mohd. Zawawi Ahmad Mughni menegaskan bahawa usaha memberi penjelasan tersebut perlu dilakukan bukan sahaja kepada masyarakat bukan Islam bahkan juga kepada orang Islam (Utusan, 19 Julai 2022).

Bagi memastikan usaha mencegah penghinaan agama Islam melalui pendidikan dapat dilaksanakan secara lebih efektif Mohd Zawawi menyarankan penglibatan keluarga dan ahli masyarakat untuk bersama-sama membasmi isu tersebut. Manakala menurut Dr. Mohd. Shahid Mohd. Noh (Utusan, 3 Ogos 2022) bagi mencegah perbuatan menghina Nabi Muhammad semua pihak termasuk ibu bapa, pendidik, entiti pendidikan dan kerajaan harus memainkan peranan mendidik masyarakat Islam melalui media sosial supaya mengenali sosok keperibadian Rasulullah sesuai dengan ajaran Islam.

Menguatkuasakan Undang-Undang

Terdapat beberapa pemimpin yang melihat bahawa isu perghinaan terhadap agama Islam dan Nabi Muhammad SAW perlu dibasmi melalui undang-undang. Akhbar Harian Metro (5 Mac 2019) melaporkan bahawa Sultan Selangor menitahkan supaya pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Peguam Negara mengambil tindakan sewajarnya terhadap pihak tidak bertanggungjawab menghina Nabi Muhammad SAW.

Akbbar Harian Metro (19 Julai 2022) juga melaporkan bahawa Mufti negeri Pulau Pinang Datuk Seri Dr Wan Salim Wan Mohd Noor menyatakan akanewartakan fatwa bagi mengekang perbuatan menghina agama Islam dan Nabi Muhammad SAW supaya tidak ada mana-mana individu di negeri tersebut mempersendakan agama sebagai bahan gurauan pada masa akan datang. Beliau turut menegaskan bahawa "perbuatan menghina agama Islam dan peribadi Nabi Muhammad SAW tidak boleh diterima serta memerlukan pihak berkaitan undang-undang mengambil tindakan segera memastikan perkara itu tidak berulang."

Dalam nada yang sama Astro Awani (21 Julai 2022) melaporkan bahawa Datok Senator Idris Ahmad Idris menyatakan bahawa " Individu yang disabitkan kesalahan menghina agama perlu dihukum mengikut undang-undang sedia ada"

Umat Islam Perlu Bersatu Padu Dan Bekerjasama Dengan Pihak Lain

Akhbar Mstar (25 Oktober 2014) melaporkan bahawa Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman Penasihat Perundangan Syariah, Jabatan Peguam Negara menggesa umat Islam mengeneipkan perbezaan pandangan dan mengekalkan perpaduan sebagai langkah mencegah berlakunya penghinaan terhadap agama Islam.

Akhbar Harian Metro (17 Julai 2019) sebelum itu melaporkan bahawa antara tindakan



kerjasama yang telah diambil oleh Jabatan Kemajua Islam Malaysia (JAKIM) bagi menangani isu penghinaan terhadap agama Islam adalah melalui kerjasama dengan pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM). Menurut Ketua Pengarah JAKIM Datuk Mohamad Nordin Ibrahim. “Kita bekerjasama dengan SKMM di bawah satu jawatankuasa khas ditubuh bagi mengkaji dan memantau aduan membabitkan penghinaan terhadap agama Islam dan Nabi Muhammad,”

PERBINCANGAN

Dapatan kajian kualitatif ini mendapati bahawa serangan ideologi Liberalisme, Pluralisme dan Hak Asasi Manusia dilihat menjadi punca kepada berlakunya isu penghinaan agama Islam di media sosial. Dapatan ini senada dengan dapatan oleh Alfani & Saputra (2019) yang melihat bahawa isu penghinaan agama secara berluasa di media sosial sebagai akibat daripada pengaruh ideologi Barat ini.

Penghinaan terhadap agama Islam akibat daripada ekstremisme dan jahil juga dapat dikaitkan dengan isu dengan isu pendidikan dan juga isu pemantapan da'wah di negara ini. Hal ini kerana individu yang melakukan penghinaan agama Islam tidak mempunyai pengetahuan yang jelas tentang Islam. Dapatan ini senada dengan dapatan Zuliyus & Pitchan (2020) yang juga menyatakan bahawa faktor penghinaan agama di Indonesia berpunca daripada sikap pemimpin agama yang tidak prihatin sehingga mengakibatkan kejahilan dan munculnya kumpulan ajaran sesat.

Manakala penagihan dadah dan gangguan mental dapat dikatakan menjadi salah satu penyebab kepada isu menghina agama Islam di Malaysia. Ini rentetan daripada penangkapan dua individu yang merupakan penagih tegar yang telah mencerca Nabi Muhammad SAW. Walaupun punca ini tidak ditemukan dalam dapatan kajian terdahulu, namun isu penagihan dadah dapat dikaitkan dengan isu kelemahan penguatkuasaan undang-undang.

Dari segi solusi yang disarankan, didapati bahawa para pemimpin di Malaysia menekankan bahawa pencegahan penghinaan agama perlu dilakukan melalui pendidikan. Semua kelompok masyarakat samada Muslim mahupun non-Muslim perlu diberikan penjelasan yang jelas mengenai agama Islam. Namun begitu terdapat juga pemimpin yang melihat adanya keperluan mendesak supaya menguatkuasakan undang-undang sedia ada. Walau bagaimanapun, tiada ulasan yang dibuat berkaitan dengan isu ketiadaan undang-undang yang jelas berkaitan penghinaan agama Islam di dalam Perlembagaan Persekutuan dan juga isu penyabitan kes penghinaan agama dalam undang-undang Syariah seperti mana yang ditemui dalam kajian Azri & Mohd Al Adib (2017). Jelasnya, kesemua pemimpin merasakan bahawa undang-undang sedia ada telah cukup untuk membanteras dan menangani isu penghinaan agama Islam di negara ini.



KESIMPULAN

Berdasarkan kepada dapatan kajian, para penyelidik mendapati bahawa penyebab penghinaan terhadap agama Islam di media sosial menurut persepsi pemimpin di Malaysia adalah berkait rapat dengan kemunculan kelompok yang mendokong ideologi Librealisme, Pluralisme dan hak asasi manusia secara mutlak, isu penagihan dadah, gangguan mental, kejahilan dan ekstremisme. Justeru, solusi yang disarankan oleh para pemimpin adalah melalui pendidikan dan penguatkuasaan undang-undang. Namun begitu, sekiranya penguatkuasaan undang-undang mahu digunakan dalam mencegah penghinaan agama Islam di media sosial, adalah disarankan supaya peruntukan yang lebih jelas berkaitan penghinaan agama Islam perlu dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan. Ini bagi memastikan bahawa peruntukan tersebut dapat dilaksanakan secara menyeluruh kepada setiap warganegara Malaysia.

PENGHARGAAN

Kertas kerja ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan geran P1-16-15919-UNI-USIM-FKP “Pembangunan Model Baharu Pencegahan Penghinaan Agama Islam Di Media Sosial.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Abdul Razak Idris. (19 Julai 2022). *Kecewa, putus asa dalam hidup, punca hina agama Islam – Exco*. <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/07/kecewa-putus-asa-dalam-hidup-punca-hina-agama-islam-exco/>. Tarikh akses 7 Okt.2022.

Alfani, A., & Saputra, H. (2019). Menghujat dan Menista di Media Sosial Perspektif Hukum Islam. 4(1), 35–50. <https://doi.org/10.29240/jhi.v4i1.728>

Astro Awani. (21 Julai 2022). *Lapor kepada pihak berkuasa jika Islam dihina, jangan ambil tindakan sendiri*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lapor-kepada-pihak-berkuasa-jika-islam-dihina-jangan-ambil-tindakan-sendiri-372245>. Tarikh akses & Okt 2022.

BERNAMA. (9 Disember 2014). *Dewan Negara: Liberalisme dan pluralisme hina agama Islam - Jamil Khir*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2014/12/22189/dewan-negara-liberalisme-dan-pluralisme-hina-agama-islam-jamil-khir>. Tarikh akses 7 Okt 2022.

Harian Metro. (27 Julai 2019). *JAKIM, SKMM kerjasama pantau hina Nabi, Islam*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/07/480004/jakim-skmm-kerjasama-pantau-hina-nabi-islam>. Tarikh akses 7 Okt 2022.



- Harian Metro (25 Oktober 2014). *Serangan liberalisme untuk rosakkan umat Islam*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2014/10/4014/serangan-liberalisme-untuk-rosakkan-umat-islam>. Tarikh akses 7 Okt.2022.
- Hazira Ahmad Zaidi. (18 Julai 2022). *Lelaki hina Islam dan Nabi ditahan*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2022/07/862704/lelaki-hina-islam-dan-nabi-ditahan>. Tarikh akses 7 Okt 2022.
- Iskandar Shah Mohamed. (4 Mac 2019). *Sultan Selangor kecewa perbuatan hina Nabi SAW*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/03/429675/sultan-selangor-kecewa-perbuatan-hina-nabi-saw>. Tarikh akses 7 Okt 2022.
- Mohamad Azri, & Mohd Al Adib. (2017). Analisis Matan Undang-undang Syariah Negeri Berkaitan Kesalahan Menghina Agama Islam di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 2(1). <http://www.ukm.my/jcil>
- Mohamed Farid Noh (15 Feb 2020) Lelaki pijak al-Quran sudah ditahan Polis. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/02/655914/lelaki-pijak-al-quran-sudah-ditahan-polis>. Tarikh akses 7 Okt.2022.
- Mohd Khafidz Soroni. 19 Jun 2022. *Hina Nabi SAW modal orang muflis*. <https://www.hmetro.com.my/addin/2022/06/853340/hina-nabi-saw-modal-orang-muflis>. Tarikh akses 7 Okt. 2022.
- Mohd Shahid Mohd Noh. 3 Ogos 2022. Hina Nabi Muhammad tanda tidak bertamadun. <https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2022/08/hina-nabi-muhammad-tanda-tidak-bertamadun/>. Tarikh akses 7 Okt 2022.
- Muhamad Faisal Ashaari, Siti Nazifatulhayat Yusoff, & Siti Maimunah Kahal. (2015). Topik Serangan Cyberterror Anti Islam Dalam Facebook “ Murtads From Malaysia and Singapore .” *Al Qanatir International Journal of Islamic Studies*, 2(2), 1–12.
- Mstar. (25 Oktober 2014). *Hina Islam Akan Berterusan Jika Umatnya Tidak Bersatu - Tokoh Maal Hijrah*. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2014/10/25/ucapan-sheikh-ghazali>. Tarikh akses 7 Okt.2022.
- Nur Izzati Mohamad. (19 Julai 2022). *Pulau Pinang mahu wartakan fatwa kekang hina Islam dan nabi [METROTV]*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/07/863002/pulau-pinang-mahu-wartakan-fatwa-kekang-hina-islam-dan-nabi-metrotv>. Tarikh akses 7 Okt. 2022.
- Sinar Harian. (22 Julai 2022). Penganggur hina agama Islam ditahan reman. <https://www.sinarharian.com.my/article/212214/berita/semasa/penganggur-hina-agama-islam-ditahan-reman>. Tarikh akses 7 Okt 2022.



Zuliyus, F. R., & Pitchan, M. A. (2020). Faktor Boleh Berlakunya Kes Penghinaan Agama di Indonesia. 4(September), 1–5